

28 DEC 1997

Beras - Guinea (Bergambar)

MALAYSIA TUAII HASIL TANANAM PADI DI AFRIKA

Oleh: Mohd Nasir Yusoff

CONAKRY (Guinea), 28 Dis (Bernama) -- Jika Malaysia mempunyai begitu luas tanah untuk ditanam padi, mungkin ramai akan bertanya kenapa perlu kita menanam padi bukan sahaja di luar negeri, tetapi nun jauh di benua Afrika.

Tetapi bagi Padiberas Nasional Berhad (Bernas), syarikat yang tumbuh daripada penswastaan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), jawapan kepada persoalan itu ialah, kenapa tidak. Lebih daripada itu, ia merupakan satu cabaran.

Cabaran yang disahutnya itu kini sudah mula membuahkan hasil. Sekumpulan kakitangan Bernas kini membanting tulang empat kerat dalam cuaca panas untuk menjayakan projek Kerjasama Selatan-Selatan Malaysia di Republik Guinea, beribu-ribu kilometer dari tanah air.

Sasaran mereka ialah untuk memastikan kawasan terbiar seluas 800 hektar di Monchon, kira-kira 200 kilometer dari ibu negara republik di Barat Afrika ini, membuahkan padi yang menjadi "hamparan emas" yang lumayan.

Usaha gigih kira-kira 30 kakitangan Bernas selama kira-kira lapan bulan itu membuahkan hasil pada November apabila tuaian padi yang pertama dirasmikan sendiri oleh Presiden Guinea Lansana Conte, yang sentiasa mengikuti perkembangan projek itu.

Hasilnya bukan sedikit. Tuaian 3.5 tan sehektar itu jauh melebihi keupayaan pengeluaran padi yang diusahakan secara tradisional di negara itu yang puratanya hanya 1.3 tan sehektar dalam setahun yang hanya semusim.

"Untuk kejayaan ini, kejayaan yang mungkin yang pertama dalam rangka Kerjasama Selatan-Selatan Malaysia... saya bagi pihak Kerajaan Malaysia mengucapkan tahniah kepada semua 'wira-wira kecil' negara yang gigih dan tidak mengenal penat lelah.

"Kejayaan ini hasil pengorbanan mereka yang bukan kecil," kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri upacara tuaian pertama padi bersama-sama Presiden Conte.

Memang tepat pengamatan Dr Sulaiman. Ini kerana rakyat Malaysia terpaksa berkorban meninggalkan anak isteri dan keluarga, untuk dua tahun sekurang-kurangnya, iaitu tempoh kontrak mereka dengan Bernas dan Sobergui, anak syarikatnya di sini yang mengendalikan projek itu.

Mereka bukan sahaja terpaksa berjauhan dari keluarga, tetapi juga menghadapi hidup yang tidak mudah di negara yang boleh dikatakan masih ketinggalan ini, yang juga terlalu asing budaya rakyatnya.

"Kita pernah terpaksa makan pisang dan minum air sahaja lebih seminggu di dalam hutan," kata seorang pekerja yang terawal tiba di sini untuk membersihkan hutan bagi menyediakan tapak ladang ternakan ayam di Dubreka, kira-kira 50 kilometer dari sini, dalam perjalanan menuju ke Monchon.

Bernas, melalui Sobergui yang ditubuhkan secara usahasama dengan Kerajaan Guinea, juga menjalankan projek bersepadu ternakan ayam, penanaman buah-buahan dan juga kilang padi dalam pakej Kerjasama Selatan-Selatan itu.

Ladang ternakan ayam seluas 50 hektar itu diusahakan bagi memelihara 50,000 ekor ayam telur yang diharapkan dapat menghasilkan 100,000 biji telur sehari kelak, bahan makanan yang sangat diperlukan penduduk Guinea. Ia juga akan diperluaskan menjadi perusahaan sampingan bagi meningkatkan pendapatan penduduk negara ini.

Bagi projek ini, pasukan Bernas terdiri daripada penternak ayam berpengalaman yang didatangkan khas dari Semenyih dan Kajang, Selangor.

Tiga daripada mereka ialah tukang kayu yang bertugas mendirikan bangsal dan reban ayam.

Kesedaran mereka tentang peranan sebagai "duta kecil negara" mendorong mereka bergaul rapat dengan penduduk tempatan pada peluang dan kesempatan yang biasanya berupa sesuatu upacara rasmi.

Ketika Dr Sulaiman ke Dubreka untuk melihat perkembangan projek ayam itu, rakyat Malaysia di situ kelihatan mesra dan akrab dengan penduduk tempatan, bahkan mereka turut mengambil bahagian dalam majlis tarian dengan rakyat Guinea, yang boleh dikatakan suatu kelaziman di akhir sesuatu majlis di sini.

Seorang pesawah padi dari Tanjung Karang, Selangor, Tee Chee Seng, 34, atau lebih mesra dengan panggilan Ah Fatt di kalangan rakyat Malaysia di sini memberitahu Bernama bahawa tugas beliau juga meliputi penyenggaraan dua jentera penuai (combine harvester) yang dibawa dari Malaysia.

"Susah sikit mahu ajar orang di sini sebab masalah bahasa... tetapi kita cuba juga hingga mereka pandai," katanya, yang akan kembali ke Malaysia Januari ini untuk membeli beberapa buah lagi jentera penuai berikutan pertambahan keluasan tanaman padi yang menjadi 1,200 hektar, yang diperuntukkan oleh Kerajaan Guinea.

Para pekerja itu tidak menafikan bahawa mereka merindui keluarga di tanah air, tetapi tidak pula merungut tentang tugas atau kehidupan di sini.

Walaupun ada antara mereka yang sebelum ke sini tidak pernah mengetahui makna Kerjasama Selatan-Selatan, tetapi kini menghayati penuh kepentingannya kepada imej negara, yang merupakan pelopor kuat kerjasama itu.

Pada perjumpaan khas semua 30 kakitangan Bernas di sini bersama-sama Dr Sulaiman, Ah Fatt memberitahunya, "Berat tugas kita memikul bendera Malaysia di sini... mahu tak mahu kita pikul juga demi negara."

Kata-kata itu disambut tepukan gemuruh semua hadirin yang bagaikan menyetujui kesimpulan yang dibuat oleh Ah Fatt mengenai tugas mereka memindahkan teknologi Malaysia ke sini.

Hasil kejayaan projek padi itu, Malaysia yang memang dianggap negara sahabat akrab oleh Guinea, kini lebih mesra di hati penduduknya sehinggakan banyak di kalangan mereka sudah tahu mengenai Malaysia.

Bahkan ada di kalangan remajanya, menyimpan cita-cita untuk bekerja dengan syarikat-syarikat Malaysia, seperti Sobergui dan Sotelgui, anak syarikat Telekom Malaysia di sini.

"Kalau boleh, saya mahu adik-adik saya yang masih bersekolah melanjutkan pelajaran di Malaysia kerana saya sering mendengar pujian pembesar-pembesar negara kami mengenai Malaysia," kata Mamdou Sow, 27, seorang pemandu kenderaan pacuan empat roda yang membawa rombongan wartawan Malaysia, meninjau projek kerjasama itu.--BERNAMA

MNY RI